



**MODUL
FALSAFAH
DAN
ISU
SEMASA**

Modul ini dibangunkan dengan tujuan untuk mempersiapkan generasi baharu agar berupaya berfikir secara kritikal dan rasional dalam menanggapi pelbagai cabaran pemikiran yang berkaitan dengan isu dan ideologi semasa. Antara cabaran besar tersebut ialah mempertahankan dan mengekalkan jati diri dalam menghadapi gerakan ideologi relativisme pascamoden global yang menisbikan segala bentuk hakikat dan kebenaran dalam kehidupan. Berdasarkan latar tersebut, modul ini membincangkan mengenai epistemologi, metafizik, psikologi dan sosiologi, logik dan metodologi yang bersambungan dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Rukun Negara. Secara keseluruhan, modul ini dibahagikan kepada tiga bahagian utama iaitu kontekstualisasi falsafah, analisis falsafah dan aplikasi falsafah bagi mendepani isu dan ideologi semasa. Adalah diharapkan semoga modul ini dapat membimbing pelajar untuk memahami kursus Falsafah dan Isu Semasa dengan lebih baik dan mencapai objektif yang telah ditetapkan.

 Universiti Malaysia
KELANTAN
PENERBIT

 press.umk.edu.my  Penerbit UMK  [umkpress](https://www.instagram.com/umkpress)  penerbit@umk.edu.my

ISBN 978-967-2912-06-4



9 789672 912064

RM25.00